

07 OCT 1998

Hassan-Umno

ISU PEMBERIAN IMBUHAN KEPADA BAHAGIAN SELESAI

SHAH ALAM, 7 Okt (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO malam tadi telah memutuskan supaya isu berhubung beberapa bahagian parti yang didakwa menerima wang imbuhan untuk menjatuhkan kepimpinan Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah selesai.

Ahli MT, Datuk Abu Hassan Omar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Selangor, berkata MT telah berbincang mengenai perkara itu dan berpendapat ia tidak perlu dipanjangkan lagi.

Beliau berkata apa yang perlu dilakukan oleh semua anggota parti itu pada masa ini ialah untuk merapatkan barisan serta memantapkan jentera pentadbiran UMNO.

"Oleh itu, isu tersebut secara automatik tidak perlu ditimbulkan lagi," kata Abu Hassan yang juga Menteri Besar Selangor selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini hari ini.

Isnin lepas, Abu Hassan menyatakan rasa puas hatinya dengan penerangan yang diberikan oleh empat Ketua UMNO Bahagian di Selangor yang sebelum ini didakwa kononnya menerima wang imbuhan untuk menjatuhkan Dr Mahathir dan meminta supaya sebarang tuduhan berhubung perkara itu dikemukakan kepada MT.

Beliau berkata empat daripada 10 ahli Umno yang dipecat oleh MT malam tadi adalah dari Selangor. Mereka terdiri daripada Izam Mohd Nor (Timbalan Ketua Bahagian UMNO Petaling Jaya Selatan) yang juga bekas setiausaha politik Datuk Seri Anwar Ibrahim serta ahli Cawangan UMNO Parit Serong di Kuala Selangor, Mohd Yahaya Mohd Shaari (Kuala Selangor), Abdul Shafid Omar (Kuala Selangor) dan Abdul Kudus Omar (Kuala Selangor).

Katanya, Abdul Kudus telah membenarkan Anwar mengadakan ceramah di rumahnya pada 16 Sept lepas dan beberapa lagi ahli dari bahagian itu serta bahagian Tanjung Karang juga akan diberikan surat tunjuk sebab mengapa mereka tidak seharusnya dipecat dari parti.

"Mereka ini adalah sebahagian daripada 12 anggota parti yang kita dakwa membantu gerakan reformasi Anwar yang namanya telah kita hantar untuk keputusan MT," katanya.

Abu Hassan berkata mereka sewajarnya dipecat atau diberi surat tunjuk sebab kerana didapati tidak mengikut amanah serta jelas melanggar disiplin parti apabila mengingkari arahan MT.

"Kalau ahli-ahli tidak berdisiplin, tidak ikut arahan parti, UMNO sendiri yang akan terjejas dan ini tidak baik kepada bangsa Melayu dan juga negara" katanya.

Mengenai keputusan Perdana Menteri untuk tidak melantik timbalannya sehingga pemilihan UMNO tahun depan, Abu Hassan berkata ia menunjukkan bahawa Dr Mahathir sememangnya mengamalkan konsep demokrasi dalam pentadbirannya.

Menurutnya ia jelas bertentangan dengan dakwaan pihak luar kononnya Dr Mahathir menjalankan pentadbiran secara diktator dengan membelakangkan prinsip-prinsip demokrasi.

"Jadi saya berharap apabila tiba masanya nanti, ahli UMNO harus bijak membuat pilihan yang tepat supaya jawatan Timbalan Perdana Menteri itu diisi oleh pemimpin yang dapat membantu Perdana Menteri serta mampu meneruskan perjuangan parti," katanya.

-- BERNAMA

AZH oba